



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 11 DISEMBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 11 Disember 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **4,690 kes** (2,596,509 kes kumulatif, 96.6%);
- Kes baharu : **4,626 kes** (2,688,149 kes kumulatif);
- Kes import : **20 kes** (15 warganegara; 5 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **4,606 kes** [4,440 warganegara (96.4%); 166 bukan warganegara (3.6%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **396 kes** (344 kes disahkan COVID-19 ; 52 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **211 kes** (146 kes disahkan COVID-19 ; 65 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);

- Jumlah kluster : **6,035 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **6 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **5,785 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **250 kluster**.

Daripada **4,626 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **95 kes (2.1 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **4,531 kes (97.9 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

SITUASI DAN MAKLUMAT TERKINI MENGENAI MUTASI SPIKE PROTEIN COVID-19 DI MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa sebanyak **298 kes baharu** varian dilaporkan daripada 19 November 2021 sehingga 8 Disember 2021. *Institute of Medical Research (IMR)* telah mengenalpasti sebanyak **115 kes baharu** yang kesemuanya adalah *Variant of Concern (VOC)* di mana 108 ialah varian Delta (B.1.617.2), 6 ialah varian Beta (B.1.1351), manakala *Faculty of Medicine-University of Malaya (FOM-UM)* telah mengenalpasti sebanyak **109 kes baharu** yang kesemuanya adalah VOC iaitu varian Delta (B.1.617.2) dan 1 varian Omicron (B.1.1.529). Selain itu, *Integrative Pharmacogenomics Institute (iPROMISE)* juga telah mengenalpasti sebanyak **44 kes baharu** yang kesemuanya adalah varian Delta (B.1.617.2). Di samping itu, *Tropical Infectious Diseases Research & Education Centre (TIDREC)* juga telah mengenalpasti **17 kes baharu** yang kesemuanya adalah VOC iaitu varian Delta (B.1.617.2) dan *Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (HPUPM)* telah mengenalpasti sebanyak **13 kes baharu** yang kesemuanya adalah VOC di mana 12 adalah varian Delta (B.1.617.2) dan satu (1) adalah varian Beta (B.1.1351).

Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang dijangkiti oleh virus SARS-CoV-2 yang dikategorikan sebagai VOC dan *Variant of Interest* (VOI) adalah sebanyak **4,990 kes**. Daripada jumlah yang dikesan tersebut, **4,970 kes adalah VOC** manakala **20 kes adalah VOI**. Secara keseluruhan, sehingga kini, bagi VOC terdapat sebanyak;

- 4,722 kes varian Delta;
- 233 kes varian Beta;
- 14 kes varian Alpha; dan
- Satu(1) kes varian Omicron.

Manakala bagi kes-kes VOI, terdapat sebanyak;

- 13 kes varian Theta;
- Empat (4) kes varian Kappa; dan
- Tiga (3) kes varian Eta

Perincian kes-kes positif COVID-19 varian VOC dan VOI mengikut negeri, saringan, dan kluster adalah seperti di Lampiran 2 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM juga ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat);
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**); dan
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

11 Disember 2021 @ 7:00 petang.

LAMPIRAN 1**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN
PADA 10 DISEMBER 2021**

NEGERI	NILAI R_T
NEGERI SEMBILAN	1.06
PERLIS	1.05
MELAKA	1.03
PAHANG	1.02
TERENGGANU	1.00
JOHOR	0.99
PULAU PINANG	0.99
PERAK	0.97
WP KUALA LUMPUR	0.96
KEDAH	0.96
KELANTAN	0.96
WP PUTRAJAYA	0.89
SELANGOR	0.87
SABAH	0.87
WP LABUAN	0.86
SARAWAK	0.72
MALAYSIA	0.97

LAMPIRAN 2

JADUAL 1 : KES-KES BAHARU POSITIF COVID-19 VARIAN VOC DAN VOI TEMPATAN DAN IMPORT DARIPADA 19 NOVEMBER 2021 SEHINGGA 8 DISEMBER 2021

Negeri	VOC			VOI	Jumlah
	Delta B.1.617.2	Beta B.1.1351	Omicron B.1.1.529		
Selangor	82	3	0	-	85
Perak	38	1	1	-	40
Pulau Pinang	38	1	0	-	39
Kedah	35	0	0	-	35
Sabah	33	1	0	-	34
Kelantan	26	0	0	-	26
WP Kuala Lumpur	9	0	0	-	9
Pahang	8	1	0	-	9
Terengganu	8	0	0	-	8
Negeri Sembilan	3	0	0	-	3
WP Labuan	3	0	0	-	3
Johor	3	0	0	-	3
WP Putrajaya	2	0	0	-	2
Perlis	2	0	0	-	2
Jumlah Keseluruhan	290	7	1	0	298

JADUAL 2: BILANGAN KES POSITIF COVID-19 DENGAN VOC DAN VOI MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 8 DISEMBER 2021

Negeri	VOC								VOI						Jumlah		Jumlah Keseluruhan
	Alpha		Beta		Delta		Omicron		Eta*		Kappa*		Theta*		Import	Tempatan	
	Import	Tempatan	Import	Tempatan	Import	Tempatan	Import	Tempatan	Import	Tempatan	Import	Tempatan	Import	Tempatan			
Sarawak	-	-	1	46	1	2,197	-	-	1	-	-	-	-	13	3	2,256	2,259
Selangor	2	6	-	55	5	533	-	-	-	-	1	-	-	-	8	594	602
Johor	-	-	-	10	1	289	-	-	-	-	3	-	-	-	4	299	303
Pulau Pinang	-	-	-	10	2	287	-	-	-	-	-	-	-	-	2	297	299
Sabah	-	3	-	12	-	242	-	-	-	-	-	-	-	-	0	257	257
Pahang	-	-	-	5	1	202	-	-	-	-	-	-	-	-	1	207	208
Perak	-	-	-	17	-	157	1	-	-	-	-	-	-	-	1	174	175
WP Kuala Lumpur	3	-	-	9	7	152	-	-	2	-	-	-	-	-	12	161	173
Negeri Sembilan	-	-	-	4	3	150	-	-	-	-	-	-	-	-	3	154	157
Kedah	-	-	-	14	-	128	-	-	-	-	-	-	-	-	0	142	142
Kelantan	-	-	-	27	-	107	-	-	-	-	-	-	-	-	0	134	134
Melaka	-	-	-	7	1	107	-	-	-	-	-	-	-	-	1	114	115
Terengganu	-	-	-	9	-	70	-	-	-	-	-	-	-	-	0	79	79
Perlis	-	-	-	4	-	34	-	-	-	-	-	-	-	-	0	38	38
WP Labuan	-	-	-	-	7	21	-	-	-	-	-	-	-	-	7	21	28
WP Putrajaya	-	-	-	3	1	17	-	-	-	-	-	-	-	-	1	20	21
Jumlah	5	9	1	232	29	4,693	1	0	3	0	4	0	0	13	43	4,947	4,990
	14		233		4,722		1		3		4		13		4,990		
Jumlah Keseluruhan	4,970								20						4,990		

**JADUAL 3 : BILANGAN KES POSITIF COVID-19
DENGAN VOC DAN VOI MENGIKUT SARINGAN / KLUSTER
BAGI SETIAP NEGERI SEHINGGA 8 DISEMBER 2021**

Negeri	VOC							VOI					Jumlah		Jumlah Keseluruhan
	Alpha		Beta		Delta		Omicron	Eta*	Kappa*		Theta*		Kluster	Sporadik	
	Kluster	Sporadik	Kluster	Sporadik	Kluster	Sporadik	Sporadik	Sporadik	Kluster	Sporadik	Kluster	Sporadik			
Sarawak	-	-	18	29	248	1,950	-	1	-	-	8	5	274	1,985	2,259
Selangor	3	5	14	41	19	519	-	-	-	1	-	-	36	566	602
Johor	-	-	8	2	78	212	-	-	3	-	-	-	89	214	303
Pulau Pinang	-	-	3	7	47	242	-	-	-	-	-	-	50	249	299
Sabah	3	-	3	9	19	223	-	-	-	-	-	-	25	232	257
Pahang	-	-	5	-	118	85	-	-	-	-	-	-	123	85	208
Perak	-	-	14	3	15	142	1	-	-	-	-	-	29	146	175
WP Kuala Lumpur	-	3	-	9	28	131	-	2	-	-	-	-	28	145	173
Negeri Sembilan	-	-	2	2	66	87	-	-	-	-	-	-	68	89	157
Kedah	-	-	7	7	32	96	-	-	-	-	-	-	39	103	142
Kelantan	-	-	21	6	33	74	-	-	-	-	-	-	54	80	134
Melaka	-	-	4	3	30	78	-	-	-	-	-	-	34	81	115
Terengganu	-	-	7	2	36	34	-	-	-	-	-	-	43	36	79
Perlis	-	-	-	4	5	29	-	-	-	-	-	-	5	33	38
WP Labuan	-	-	-	-	8	20	-	-	-	-	-	-	8	20	28
WP Putrajaya	-	-	-	3	-	18	-	-	-	-	-	-	0	21	21
Jumlah Keseluruhan	6	8	106	127	782	3,940	1	3	3	1	8	5	905	4,085	4990
	14		233		4,722		1	3	4		13		4,990		
	4,969							20							

Nota: *Kategori VOI sehingga 30 September 2021